



KENYATAAN MEDIA

KPWKM PRIHATIN GOLONGAN RENTAN TERMASUK ORANG KURANG UPAYA SEMASA 'TOTAL LOCKDOWN'

Hari ini saya telah membuat pemantauan dan tinjauan di dua kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) iaitu di PPR Sri Sarawak dan PPR Desa Rejang untuk melihat sendiri persiapan dan persediaan masyarakat termasuk golongan OKU apabila Kerajaan mengumumkan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau '*total lockdown*' Fasa Pertama di seluruh negara selama 14 hari, bermula hari ini sehingga 14 Jun 2021.

Sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang bertanggungjawab ke atas kebijakan dan kesejahteraan masyarakat termasuk komuniti OKU di negara ini, saya berharap masyarakat akan cekal dan dapat bertahan menghadapi cabaran ini. Semua pihak sedia maklum bahawa perkara ini bukan mudah, tetapi demi kesihatan dan keselamatan kita bersama total *lockdown* terpaksa dilaksanakan.

Program pemantauan dan tinjauan ini merupakan kolaborasi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan Persatuan OKU Sentral yang merupakan NGO OKU di bawah pimpinan YB Senator Datuk Ras Adibah Radzi. KPWKM telah menyerahkan 500 bakul makanan kepada pihak Persatuan OKU Sentral untuk diagihkan kepada golongan OKU yang memerlukan terutamanya daripada golongan B40 yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Saya berharap, sumbangan ini dapat meringankan sedikit beban komuniti OKU.

YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan program bantuan PEMERKASA Plus sebagai inisiatif terbaharu kerajaan membantu meredakan cabaran yang dihadapi rakyat, terutama susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada masa ini. Pelaksanaan PEMERKASA Plus menetapkan tiga matlamat utama iaitu mempertingkatkan kapasiti kesihatan awam, meneruskan agenda prihatin rakyat dan menyokong kelangsungan perniagaan. Demi keprihatinan terhadap kebajikan rakyat, Kerajaan berusaha sedaya upaya untuk memastikan wujud keseimbangan antara '*lives and livelihood*' iaitu keperluan untuk melindungi nyawa, dan menjamin kesejahteraan rakyat.

Sehingga 31 Mei, seramai 195,395 OKU telah mendaftar untuk menerima vaksin. Saya menyeru semua pihak supaya menyampaikan maklumat yang sahih dan tepat mengenai kebaikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan menggalakkan semua golongan yang layak untuk mendaftar terutamanya kumpulan rentan seperti OKU untuk memastikan negara kita dapat mencapai imuniti kelompok (herd immunity) dengan 80% rakyat menerima vaksin COVID-19.

Semoga kita dapat bersama-sama memutuskan rantai jangkitan virus COVID-19 dengan segera. Patuhilah SOP-SOP semasa yang berkuat kuasa, daftarkanlah diri anda untuk mendapatkan vaksin COVID-19 dan mainkanlah peranan masing-masing untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan semua golongan di dalam masyarakat terpelihara.

#KitaJagaKita

#WholeOfSociety

#TogetherWeDeliver

#TanggungjawabBersama

#LindungDiri,LindungSemua

**YB Datuk Seri Rina Mohd Harun
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
1 Jun 2021 (Selasa)**